

**BENGKEL PEWARTAAN TANAH KERAJAAN (TK) KE HUTAN SIMPANAN KEKAL (HSK)
ANJURAN PROJEK UNDP/GEF-GoM: IMPROVING CONNECTIVITY IN THE CENTRAL
FOREST SPINE LANDSCAPE (IC-CFS)**

Disediakan oleh: Dr. Agkillah Maniam
State Project Coordinator IC-CFS

Sebanyak dua siri Bengkel Pewartaan Tanah Kerajaan (TK) ke Hutan Simpanan Kekal (HSK) telah dianjurkan di bawah Projek UNDP/GEF-GoM: Improving Connectivity in the Central Forest Spine Landscape (IC-CFS).

Objektif bengkel ini adalah untuk mengenal pasti kawasan TK dalam kawasan koridor ekologi Central Forest Spine (CFS), terutamanya tanah berhutan, yang berpotensi untuk dicadangkan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk dijadikan HSK. Dengan peningkatan keluasan kawasan HSK dalam koridor ekologi CFS, fungsi sesuatu koridor sebagai laluan hidupan liar serta pengurusannya boleh ditambah baik. Bagi menjalankan aktiviti ini, dua orang perunding juga telah dilantik iaitu Dr Christine Fletcher dan Dr Ismail Harun. Objektif bengkel ini juga adalah selari dengan strategi dan tindakan yang telah dikenal pasti dalam Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS 2022 (PIRECFS 2022) yang telah diterimapakai oleh Jawatankuasa Perancang Fizikal Negara pada 20 Julai 2022.

Bengkel Pewartaan TK ke HSK Siri 1/2022 telah diadakan pada 17 Ogos 2022 dan telah dihadiri oleh 27 pegawai daripada 21 agensi dan entiti yang terdiri daripada 2 agensi persekutuan, 15 agensi negeri, 2 badan bukan kerajaan dan 2 agensi perhutanan negeri lain iaitu Kedah dan Selangor (bagi tujuan pembinaan kapasiti untuk menjalankan bengkel sedemikian). Manakala, Bengkel Pewartaan TK ke HSK Siri 2/2022 pula telah diadakan dari 11 hingga 13 Oktober 2022, dihadiri oleh 35 pegawai daripada 26 agensi atau entiti yang terdiri daripada 2 agensi persekutuan, 20 agensi negeri, serta 2 agensi perhutanan negeri lain iaitu Kedah dan Selangor.

Semasa bengkel yang pertama, semua peserta bengkel telah diminta membincangkan kawasan-kawasan yang berpotensi untuk diwartakan yang telah dikenalpasti oleh pihak perunding. Maklumat yang telah dibentangkan oleh pihak perunding adalah hasil daripada perbincangan awalan bersama 9 agensi-agensi utama dan berkepentingan bagi tempoh dua hari pada 15 hingga 16 Ogos 2022. Bengkel susulan yang telah diadakan pada Oktober 2022 pula telah membincangkan dengan lebih lanjut dan memutuskan secara kolektif kawasan TK yang berpotensi yang boleh diangkat menjadi HSK. Berikutan hasil bengkel tersebut, satu kertas kerja MMK juga telah disediakan dan diberikan kepada Jabatan Perhutanan Negeri Perak untuk diangkat bagi mendapatkan keputusan rasmi Pihak Berkuasa Negeri.

BENGKEL PEWARTAAN TK KE HSK SIRI 1/2022



Peserta-peserta bengkel yang telah menghadiri Bengkel Pewartaan TK ke HSK pada 17 Ogos 2022



Peserta bengkel mendengar pembentangan daripada kumpulan lain



Perunding mendapatkan penjelasan daripada peserta bengkel terhadap guna tanah sesuatu kawasan



Pembentang semula daripada pihak perunding pada akhir bengkel tersebut



Perjumpaan dan perbincangan awalan perunding dengan agensi



Perbincangan awalan bersama agensi

BENGKEL PEWARTAAN TK KE HSK SIRI 2/2022



Gambar berkumpul semua peserta Bengkel
Pewartaan TK ke HSK Siri 2/2022



Pembentangan oleh perunding tentang hasil
daripada Bengkel Siri 1/2022



Perundingan dan perbincangan lanjut yang
dijalankan oleh perunding



Peserta-peserta bengkel memberikan
pandangan dan cadangan